



2019 #SPMSureSkor Workshop

BAHASA MELAYU



**Scan and download our INTI Mobile App to get
#SPMSureSkor Tips.**

INTI Education Counselling Center Johor Bahru
No. 25, 25-01, Jalan Austin Heights 8/1, Taman Austin Heights,
81100 Johor Bahru, Johor
Tel. No.: 07 - 364 7537

CERAMAH TEKNIK BELAJAR BAHASA MELAYU SPM 2019 (SPM 国语讲座)

KERTAS 1**BAHAGIAN A: Karangan Rangsangan (30 Markah)**

- 至少写五段
- 写 200 – 250 个字 (要拿 A 通常要写多过 250 个字, 最好是大约 300 个字)
- 图里的重点必须写
- 题目通常问:
 - i) 原因 (punca-punca)
 - ii) 方法 (langkah-langkah)
 - iii) 后果 (akibat)
 - iv) 好处 (faedah / kebaikan)
 - v) 重要性(kepentingan)

BAHAGIAN B: Karangan Umum (100 Markah)

还没做答之前, 考生须:

- 了解每题问题, 然后
- 选最有把握的题目,
- 分析问题的需要,
- 想问题的重点, 之后才
- 写有关的作文。

出题方式

- 第一题: 关于个人 (individu)
- 第二题: 关于家庭 - 父母, 孩子扮演的角色 (ibu bapa / keluarga)
- 第三题: 关于社会 (masyarakat)
- 第四题: 关于国家或国际 (negara / antarabangsa)
- 第五题: 关于文学 - 谚语, 诗歌 (peribahasa / komsas)

- 学生必须写超过 350 个字 (写 350 个字通常拿只拿 C, 要拿 A 须写超过 500 个字)
- 必须写七段 (Pendahuluan, 5 - 6 isi, kesimpulan)
- 每一段大约 80 个字

- 写作常用的开头
 - i) Sebagaimana yang kita sedia maklum (众所周知)
 - ii) Memang tidak dapat dinafikan bahawa (的确无可否认)
 - iii) Dalam era globalisasi dan modenisasi ini (在这先进和全球化的时代)
 - iv) Dewasa ini, marcapada ini (最近、现在)

- 开头：要写问题的看法和时事 (pendapat dan isu semasa)

- 每一段 **isi** 必须写
 - i) 什么 apa
 - ii) 为什么 mengapa
 - iii) 整样 bagaimana
 - iv) 给例子 contoh / kesan
 - v) 总结 rumusan isi / penegas

- 结尾：做总结，给建议和希望 (cadangan dan harapan)

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang punca-punca pencemaran sungai di negara kita. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

PUNCA-PUNCA PENCEMARAN SUNGAI



PEMBUANGAN SAMPAH SARAP



PEMBUANGAN SISA DARIPADA KILANG



AKTIVITI PERTANIAN

CARA MENULIS AYAT DALAM PENDAHULUAN KARANGAN

| Bil Ayat | Contoh Ayat |
|----------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| A1 | Memang tidak dapat dinafikan bahawa / Pada era modenisasi ini / dewasa ini,(tema)..... merupakan salah satu isu yang sering mendapat perhatian pelbagai pihak. |
| A2 | Isu(tema)..... ini sering dipaparkan dalam media masa seperti akhbar dan televisyen di negara kita. |
| A3 | Persoalannya, apakah tugasan soalan? |
| A4 | <p>Oleh itu, langkah-langkah/ sebab-sebab/ kesan-kesan / punca-punca(tema).....akan dibincangkan untuk kepentingan bersama.</p> <p>Oleh itu,tugasan..... yang mewarnai fokus perbincangan akan dikupas untuk kepentingan bersama</p> <p>Jika diperhalusi, terdapat banyaktugasan soalan.....</p> |

CONTOH PENDAHULUAN:

Memang tidak dapat dinafikan bahawa **pencemaran sungai** merupakan salah satu isu yang sering mendapat perhatian pelbagai pihak. Isu **pencemaran sungai** ini sering dipaparkan dalam media massa seperti akhbar dan televisyen di negara kita. Persoalannya, apakah **punca-punca pencemaran sungai**? Jika diperhalusi, terdapat banyak **punca pencemaran sungai di negara kita**.

(48 patah perkataan)

CARA MENULIS AYAT DALAM PERENGGAN ISI

| Bil Ayat | Contoh Ayat |
|------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| A1 (Apa) Nyatakan Isi | Lontaran idea pertama/dua/ketiga, Sebagaimana yang kita maklumi, Umum mengetahui bahawa langkah-langkah/ punca-punca/ kesan-kesan (tema) ialah (isi) |
| A2 (Mengapa) | Hal ini dikatakan demikikian kerana |
| A3 (Bagaimana) | Dalam hal ini, |
| A4 (Contoh / Kesan) | Sebagai contoh, Dengan demikian / Secara tidak langsung |
| A5 (Rumusan / Penegasan isi) | Oleh itu, jelaslah bahawa (isi) merupakan (tema) Sudah terang lagi bersuluh bahawa (isi) merupakan (tema) |

CONTOH PERENGGAN ISI 1: **PEMBUANGAN SAMPAH SARAP**

Umum mengetahui bahawa punca utama pencemaran sungai di negara ini ialah **pembuangan sampah sarap**. Hal ini dikatakan demikian kerana sesetengah masyarakat yang tidak bertanggungjawab menganggap sungai sebagai tong sampah. Dalam hal ini, sungai akan menjadi kotor dengan pelbagai jenis sampah seperti plastik, tayar dan sisa makanan. Secara tidak langsung, air sungai berbau busuk dan tercemar. Oleh itu, jelaslah bahawa pembuangan sampah sarap merupakan antara negara ini.

(66 patah perkataan)

CONTOH PERENGGAN ISI 2: **PEMBUANGAN SISA-SISA DARIPADA KILANG**

Punca kedua pencemaran sungai di negara ini ialah **pembuangan sisa-sisa daripada kilang**. Hal ini dikatakan demikian kerana sikap pengusaha kilang yang mementingkan keuntungan semata-mata. Dalam hal ini, pengusaha kilang mengalirkan sisa-sisa toksik ke dalam sungai. Secara tidak langsung, hidupan air akan mati. Sudah terang lagi bersuluh bahawa pembuangan sisa-sisa daripada kilang merupakan punca pencemaran sungai di negara ini.

(58 patah perkataan)

CONTOH PERENGGAN ISI 3: AKTIVITI PERTANIAN

Punca ketiga pencemaran sungai di negara ini ialah **aktiviti pertanian**. Hal ini dikatakan demikian kerana petani menggunakan racun perosak secara berlebihan. Dalam hal ini, apabila hujan turun, racun ini akan terus mengalir ke sungai. Secara tidak langsung, air sungai akan tercemar dan tidak sesuai dijadikan minuman. Jelaslah bahawa aktiviti pertanian juga merupakan punca pencemaran sungai di negara ini.

(58 patah perkataan)

CARA MENULIS AYAT DALAM PERENGGAN PENUTUP

| Bil Ayat | Contoh Ayat |
|-------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| A1 (Buat kesimpulan tugas) | Intihanya, / Konklusinya, Tuntasnya, Sebagai kesimpulannya, Sebagai menggulung segala yang telah diperkatakan di atas, terdapat banyak(tema)..... |
| A2 (Ayat cadangan) | Oleh hal yang demikian, semua pihak hendaklah berganding bahu bagi aur dengan tebing dalam Oleh hal yang demikian, semua pihak hendaklah menyokong usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk |
| A3 (Ayat harapan) | Dengan ini diharapkan Secara tidak langsung, sesuatu yang diharapkan akan dapat dicapai dan memberikan kesan yang positif kepada kesejahteraan masyarakat dan negara kita. |

CONTOH PERENGGAN PENUTUP

Tuntasnya, terdapat banyak punca pencemaran sungai di negara ini. Oleh hal yang demikian, semua pihak hendaklah berganding bahu bagi aur dengan tebing dalam mengatasi masalah pencemaran sungai di negara ini. Secara tidak langsung, sesuatu yang diharapkan akan dapat dicapai dan memberikan kesan yang positif kepada kesejahteraan masyarakat dan negara kita.

(50 patah perkataan)

如果题目问关于解决方法，内容通常有：

| | |
|---------------------|---------|
| diri sendiri | (自己) |
| ibu bapa / keluarga | (父母) |
| sekolah | (学校) |
| kerajaan | (政府) |
| media massa | (传媒) |
| kempen / ceramah | (宣传、讲座) |
| masyarakat | (社会) |
| hukuman | (惩罚) |

如果第二题问有关父母、家庭所扮演的角色：

Peranan ibu bapa

- i) Ibu bapa perlu mendidik anak sejak kecil (从小教育孩子)
- ii) Ibu bapa perlu menjadi suri teladan kepada anak-anak (成为榜样)
- iii) Ibu bapa perlu mengawasi tingkah laku anak-anak (关注行为)
- iv) Ibu bapa perlu memberikan kasih sayang kepada anak-anak (给予爱心)
- v) Ibu bapa perlu memberikan didikan agama (给予宗教教育)
- vi) Ibu bapa perlu meluangkan masa untuk menemani anak-anak (抽空时间)

常用的 PERIBAHASA / KATA-KATA HIKMAT

1. Melentur buluh biarlah dari rebungnya 教育孩子从小开始
2. Bagaimana acuan begitulah kuihnya 有其父必有其子
3. Bagai menatang minyak yang penuh 无微不至的照顾
4. Genggam bara api biarlah sampai jadi arang 做事直到成功为止
5. Bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing 自扫门前雪
6. Bagai aur dengan tebing 守望相助
7. Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh 团结就是力量
8. Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat 要合作才有收获
9. Sambil menyelam minum air 一举两得
10. Tak kenal maka tak cinta 不打不相识
11. Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih 有志者事竟成
12. Usaha tangga kejayaan 努力是成功的阶梯
13. Kalau tiada angin, masakan pokok bergoyang 无风不起浪
14. Bumi mana tidak ditimpa hujan 孰能无过
15. Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna 三思而后行，以免后悔莫及
16. Sudah terhantuk baru tengadah 事情发生了才觉悟
17. Nasi sudah menjadi bubur 生米煮成熟饭
18. Biar putih tulang, jangan putih mata 宁死不屈
19. Bagai melepaskan batuk di tangga 做事不认真
20. Mencegah lebih baik daripada mengubatinya 预防胜于治疗

KERTAS 2

共有四题

| | | | |
|-----------|----------------|-----------|--------------------------------------------------|
| Soalan 1 | Rumusan | Soalan 3a | Bina ayat |
| Soalan 2a | Pemahaman | Soalan 3b | Analisis ayat |
| Soalan 2b | Cerpen / drama | Soalan 3c | Kesalahan ejaan dan imbuhan |
| Soalan 2c | Prosa klasik | Soalan 3d | Kesalahan penggunaan kata / istilah / tatabahasa |
| Soalan 2d | Puisi | Soalan 3e | Peribahasa |
| | | Soalan 4 | Kajian novel |

SOALAN 1: Rumusan (30 markah)

一共写四段:

1. Pendahuluan (前言)

| No | Tajuk | Sinonim |
|----|----------------|------------------------------------------------------------|
| 1. | Punca-punca 原因 | Faktor-faktor, sebab-sebab |
| 2. | Cara-cara 方法 | Langkah-langkah, usaha-usaha, alternatif, strategi, kaedah |
| 3. | Kesan-kesan 后果 | Implikasi, akibat |
| 4. | Kebaikan 好处 | Faedah, manfaat, keistimewaan, kepentingan |
| 5. | Masalah 问题/ 阻碍 | Kekangan, halangan, rintangan |
| 6. | Tujuan 目的 | Matlamat, objektif, kepentingan |
| 7. | Peranan 角色 | Tanggungjawab, tugas, fungsi |
| 8. | Ciri-ciri 特点 | Kriteria-kriteria |

2. Isi Tersurat (从文章找) 6-8 isi

3. Isi Tersirat (自己想的答案) 2-4 isi

4. Kesimpulan 口诀:

| |
|-------------------------------------------------------|
| Kesimpulannya, A + B + C agar D |
|-------------------------------------------------------|

Kesimpulannya, _____ (谁?) perlu/harus/mesti/sewajarnya _____ (应该) supaya/agar (以便) **tajuk/ kesan** (原因)

INGAT!!! Perkataan yang dikira SATU perkataan (算一个字)

| Bil | Perkataan | Contoh |
|-----|------------|------------------------------------------|
| 1 | Nama Khas | Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Rini |
| 2 | Angka | dua puluh peratus, 20%, 20 peratus |
| 3 | Kata Ganda | guru-guru, bukit-bukau |
| 4 | Tarikh | 7 Julai 2019 |

| | | |
|---|--------------------------|--------------------------------------------------|
| 5 | Kata depan "di" dan "ke" | di sekolah (1 Perkataan), ke pasar (1 Perkataan) |
| 6 | Gelaran | Datuk Seri Paduka Tunku Abdul Rahman |

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **usaha-usaha melestarikan permainan tradisional dan kekangan-kekangan untuk memajukannya**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 perkataan.

Permainan tradisional merupakan permainan yang dicipta oleh masyarakat tradisional, iaitu merujuk permainan budaya yang sudah diamalkan oleh masyarakat itu untuk satu tempoh yang tertentu. Permainan tradisional ini juga sebagai pelengkap alam kanak-kanak pada masa silam untuk berkongsi keriang dan kegembiraan. Mereka cuma perlu berkawan, namun bukan lagi resam kepada kanak-kanak masa ini yang begitu terdedah kepada peralatan telekomunikasi yang amat mengasyikkan dan menenggelamkan beberapa jenis permainan tradisional yang tersohor pada suatu ketika dahulu. Ekoran daripada itu, permainan tradisional semakin dilupakan, namun masih terdapat prakarsa untuk terus melestarikan sekali gus *mengembalikan nostalgia* warisan budaya ini.

Permainan tradisional ini bukanlah semata-mata mengisi masa lapang, tetapi juga meningkatkan daya kreativiti, memupuk semangat berpasukan dan melatih kekuatan mental dan fizikal. Secara tegasnya, permainan tradisional memang wajar diketengahkan pada peringkat negara dan serantau. Minat yang mendalam terhadap permainan tradisional seperti wau, layang-layang, sepak raga dan gasing tidak cukup sekiranya tiada kemudahan untuk permainan ini. Bagi menangani isu ini, kerajaan haruslah menyediakan lebih banyak tempat atau gelanggang permainan tradisional. Berkaitan dengan pembinaan gelanggang, kerajaan boleh memajukan permainan ini dengan menyediakan jurulatih di setiap gelanggang yang telah disediakan. Pada masa yang sama, masyarakat tempatan juga boleh berganding bahu mewujudkan tapak permainan tradisional di kawasan perumahan atau kampung mereka. Hal ini secara tidak langsung dapat menarik perhatian penduduk sekitar untuk beriadah bagi mengeratkan silaturahim sesama mereka.

Di samping itu, hotel tempatan dan pusat peranginan yang terkemuka di negara kita juga patut menyediakan ruang dan tapak serta alat permainan tradisional kepada pelancong asing. Sempena Tahun Melawat Malaysia, setiap negeri perlu menyetengahkan permainan tradisional dalam acara yang disusun bagi menyerlahkan warisan seni budaya yang penuh nilai estetika bagi menggamit pelancong. Sebagai contoh, kerajaan Kedah merancang menganjurkan program sukan, Eagle Cup Sepak Takraw bersempena Tahun Melawat Kedah 2016. Selain itu, Festival layang-layang Sedunia Pasir Gudang yang dianjurkan setiap tahun perlu diteruskan untuk menarik lebih banyak pengunjung dari dalam dan luar negara.

Usaha menghidupkan kembali permainan tradisional boleh dilakukan oleh pihak sekolah dengan menganjurkan Kelab Permainan Tradisional dalam aktiviti kokurikulum. Permainan ini amat penting untuk kehidupan generasi muda kerana dapat membantu perkembangan diri. Melalui permainan tradisional mereka mempelajari cara mematuhi peraturan, menyesuaikan diri dan menyelesaikan masalah. Dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) turut memperuntukkan seni, warisan dan budaya dalam aktiviti kokurikulum. Seni, warisan dan budaya bangsa Malaysia yang dimaksudkan termasuklah tarian, muzik, kraf, tulisan jawi syair, permainan tradisional dan seni pertahanan diri. Penyebaran maklumat tentang permainan tradisional kepada masyarakat melalui media massa juga tidak harus dipandang remeh. Hal ini kerana media merupakan saluran utama dalam pencarian maklumat terutama dalam kalangan remaja. Jabatan Warisan Negara atau kerajaan negeri perlulah lebih kerap menganjurkan festival, pertandingan dan kempen bagi menyetengahkan permainan tradisional kepada masyarakat agar dapat menanamkan rasa cinta terhadap warisan negara kepada generasi muda.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada
'Melestarikan Permainan Tradisional Warisan Negara'
Oleh Samat Buang, Dewan Siswa, Jun 2015)

Soalan 2a: Pemahaman - 9 markah

- i) Maksud (问意思) - 2 markah
- ii) Petikan (文章找) - 3 markah
- iii) Pendapat (自己想) - 4 markah

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan *Soalan 1*, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *mengembalikan nostalgia*.

[2 markah]

- (ii) Permainan tradisional mampu merapatkan hubungan silaturahim antara anggota masyarakat. Apakah kepentingan-kepentingan lain permainan tradisional dalam kehidupan?

[3 markah]

- (iii) Permainan tradisional mampu merangsang perkembangan minda kanak-kanak. Nyatakan peranan ibu bapa bagi menggalakkan anak-anak melibatkan diri dalam permainan tersebut.

[4 markah]

Soalan 2b: Cerpen / drama - 9 markah

- i) Petikan (文章找) - 2 markah
- ii) Kemahiran berfikir (自己想) - 3 markah
- iii) Komsas (文学) - 4 markah

| Komsas | Topik |
|-----------|------------------------------------|
| Cerpen F4 | Kaduk, Ayam dan Raja (Jun 2017) |
| Cerpen F4 | Munsi |
| Cerpen F4 | Jaket Kulit Kijang dari Istanbul |
| Drama F4 | Berkhidmat untuk Negara (Jun 2018) |
| Cerpen F5 | Cinta Ahmad Mutawakkil |
| Cerpen F5 | Hipertensi (Nov 2018) |
| Cerpen F5 | Gerhana Manusia (Nov 2016) |
| Drama F5 | Bukan Gila (Nov 2017) |

Soalan 2c: Prosa Tradisional - 8 markah

- i) Maksud (问意思) - 2 markah
- ii) Petikan (文章找) - 3 markah
- iii) Kemahiran berfikir (自己想) - 3 markah

| Puisi Tradisional | Topik |
|-------------------|---------------------------------------------------------------|
| F4 | Kepimpinan Melalui Teladan (Nov 2016, Nov 2018) |
| F5 | Burung Terbang Dipipiskan Lada (Jun 2017, Nov 2017, Jun 2018) |

Soalan 2d: sajak / puisi tradisional - 9 markah

- i) Maksud / Pemahaman (问意思) - 2 markah
- ii) Kemahiran berfikir (自己想) - 3 markah
- iii) Komsas (文学) - 4 markah
- iv)

| Komsas | Topik |
|----------------------|----------------------------------------------------------------------|
| Puisi Tradisional F4 | Syair Bidasari |
| Puisi Tradisional F4 | Gurindam Dua Belas (Fasal yang Ketiga) |
| Puisi Moden F4 | Sang Gembala Kuda |
| Puisi Moden F4 | Aku Membaca Lagi (Nov 2017) |
| Puisi Moden F4 | www.sibermerdeka.com.my |
| Puisi Moden F4 | Gelanggang (Jun 2018) |
| Puisi Tradisional F5 | Beberapa Petua Hidup (Nov 2016) |
| Puisi Tradisional F5 | Berbuat Istana Zaman Dahulu (Nov 2018) |
| Puisi Moden F5 | Sejadah Rindu |
| Puisi Moden F5 | Pesan Lelaki Kecil kepada Gadis Kampus (Jun 2017) |
| Puisi Moden F5 | Erti Hidup Bererti |
| Puisi Moden F5 | Kudup Perang |

CERPEN JAKET KULIT KIJANG DARI ISTANBUL

Baca petikan prosa tradisional di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakannya ayat anda sendiri

Kisah aku akhirnya 'terbeli' jaket kulit kijang dari Istanbul ini bermula pada hari kelima lawatanku ke Turki. Aku sengaja menggunakan perkataan 'terbeli' kerana aku benar-benar tidak ada niat untuk membelinya. Ahli rombongan kami yang seramai 30 orang dibenarkan pergi membeli-belah di Grand Bazaar yang terletak lebih kurang satu kilometer dari tempat penginapan kami di Hotel Senator.

Aku sudah mempunyai ilham jenis cenderamata yang akan kubeli untuk ahli keluarga dan sahabat handai di Malaysia. Sebelum tiba di Istanbul, kami sudah melawat beberapa kawasan bersejarah di Bursa, Pamukkale, Konya, Cappadocia dan Bolu. Pada setiap persinggahan itu, aku mendapati bahawa cenderamata yang popular dan unik di Turki berupa anak patung pemerintahan Uthmaniah, teh uncang berperisa epal, rantai kunci daripada kaca biru berupa mata merpati, botol orga saiz mini, pinggan seramik bertulis ayat al-Quran dan gelang manik penari gelek. Aku memang bercadang untuk membeli cenderamata tersebut di Istanbul kerana pada pendapat aku, apabila membeli cenderamata dalam jumlah yang banyak, aku akan dapat membelinya dengan harga yang lebih murah, selain mempunyai pilihan yang lebih luas. Aku begitu teruja saat mendengar khabar bahawa kedai yang terdapat di Grand Bazaar berjumlah 6000.

Pemandu pelancong, Encik Yuskel, telah memberitahu kami beberapa panduan berbelanja di Istanbul. Pertama, jangan beli barangan daripada penjual di tepi jalan. Kedua, jangan berjalan sendirian. Ketiga, jangan beritahu negara asal sekiranya ditanya oleh pekedai. Keempat, jangan naik ke tingkat atas kedai sekiranya dipelawa. Kelima, tawar harga setiap barangan yang ingin dibeli sehingga 70 peratus. Keenam, jangan gunakan kad kredit sebab terlalu berisiko ditipu.

(Dipetik daripada cerpen "*Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*," oleh Maskiah Haji Marom dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah cenderamata yang popular di Turki? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah kebaikan melancong ke negara luar?
Kemukakan **kebaikan-kebaikan** tersebut. [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** persoalan berdasarkan petikan cerpen di atas dan **satu** persoalan berdasarkan keseluruhan cerpen. [4 markah]

PROSA TRADISIONAL KEPIMPINAN MELALUI TELADAN

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah habislah dikenalnya segala yang empunya maka titah raja, "Hai segala kamu sekalian, hendaklah segala harta ini bahagi tiga, dua dibahagi akan Laksamana, sebahagi akan orang yang empunya harta, kerana harta ini sudahlah hilang beroleh akan Laksamana."

Maka sembah orang itu, "Daulat tuanku, mana titah patik junjung."

Maka sembah Laksamana, "Ya, tuanku demikian, sahaja aniyalah duli yang maha mulia dan dukacitalah sekalian empunya harta. Yang sebahagi itu akan patik. Dalam pada itu pun, mana kasih hatinya hendak memberi akan patik"

Maka, titah baginda, "Hai segala kamu, sukakah seperti kata Laksamana ini?"

Maka, sembah mereka itu, "Sukalah patik sekalian memberikan Laksamana." Demi Allah dan Rasul-Nya dengan tulus ikhlas hati patik sekalian." Masing-masing pun memberikan segala hartanya akan Laksamana.

Maka Laksamana pun membahagi tiga, diambil oleh Laksamana harta itu sebahagi. Maka yang sebahagi Laksamana ambil itu dibahagi tiga pula; yang sebahagi itu didermakan pada segala fakir miskin dan sebahagi lagi diberikan pada segala pegawai yang tiada penguasaan dan sebahagi diberikan pada segala orangnya. Maka segala harta itu pun habislah, suatu pun tiada diambil oleh Laksamana.

(Dipetik daripada 'Kepimpinan Melalui Teladan')

dalam antologi jaket Kulit dari Istanbul, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud rangkai kata *dukacitalah sekalian empunya harta*? [2 markah]
- (ii) Jelaskan cara pembahagian harta yang dicadangkan oleh baginda raja [3 markah]
- (iii) "Maka segala harta itu pun habislah, suatupun tiada diambil oleh Laksamana. Pada pendapat anda, mengapakah Laksamana berbuat demikian? [3 markah]

Baca petikan sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Erti Hidup Bererti

Aku selalu didatangi,
malam sepi
bagai kalung
yang melingkari leherku
tidak berubah keesokan hari
siapa yang akan datang menjengukku
keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik
kehijauan rumput
hanya menjadi bayangan
di penjuru ruang zaman
cinta dalam rahim dilupai
dari sulung ditendang ke bongsu
dari angh ditendang ke sulung balik
kucari erti hidup
menderita mengerang sakit
berdiri tanpa ruang

Aku bagi mereka
tiada makna
anakku bakaku
baik setia mahupun derhaka
semoga disirami benih keinsafan
menjadi penawar dalam hati
embun cinta atasi angin dingin
jangan terpegun
ada yang mati
ada yang hidup
tiada yang kekal kecuali Tuhan

Teo Wei Sing

Antologi Sejadah Rindu,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Nyatakan keadaan penyair dalam sajak tersebut. [2 markah]
- (ii) Pada **rangkap 2**, anak-anak penyair telah melupakan jasa ibu bapa sehingga ibu bapa berasa sedih. Pada pendapat anda, apakah tindakan-tindakan yang perlu dilakukan untuk berbakti kepada ibu bapa? [3 markah]
- (iii) Jelaskan dua pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

Soalan 3: Tatabahasa

3a: Bina ayat (造句)

3b: Sintaksis (ayat aktif dan ayat pasif, ayat songsang dan ayat biasa, jenis-jenis ayat, pola ayat...)

3c: Kesalahan ejaan dan imbuhan (错字, 分开、放在一起)

3d: Kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tatabahasa (语法, 用错词、字)

3e: Peribahasa (谚语)

TATABAHASA

(a) *Tulis dua ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) memotong
- (ii) menahan
- (iii) menarik

[6 markah]

(b) *Tukarkan ayat aktif di bawah kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.*

- (i) Golongan petani membersihkan kawasan tanah kebun dengan kaedah pembakaran terbuka.
- (ii) Kami telah membawa mangsa kemalangan jalan raya itu ke hospital sebelum ambulans tiba di tempat kejadian.
- (iii) Anda dapat menyaksikan perlawanan bola sepak secara langsung sekiranya anda menjadi pelanggan stesen televisyen kami.

[6 markah]

(c) *Dalam petikan di bawah, terdapat tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.*

Orang ramai yang memanfaatkan kemudahan taman awam mampu meningkatkan tahap kesihatan melalui pelbagai aktiviti fizikal seperti senaman dan bersukan secara berkumpulu atau individu. Di samping itu, keindahan persekitaran alam seperti pokok teduhan dan bunga-bunga dikawasan itu dapat memberikan ketenangan kepada orang ramai dan kelegaan daripada stress seharian bekerja. Sesetengah taman awam telah berjaya menarik ribuan pelancong kerana mempunyai identiti dan keunikan tersendiri. Hal ini akan membawa peningkatan ekonomi setempat dalam aspek penginapan, perniagaan makanan dan kraftangan.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kapal terbang itu telah berhenti di Lapangan Terbang Sultan Abdul Hamil selama dua jam setengah sebab kerosakan enjin.
- (ii) Sebagai pengguna, kita haruslah melaporkan kegiatan pencatuan harga kepada pihak berkuasa jika sekiranya peniaga menaikkan harga barang sewenang-wenangnya.
- (iii) Pembonceng motosikal perlu mempunyai lesen memandu agar mereka tidak pihak polis saman.

[6 markah]

(e) *Isi tempat kosong dalam petikan di bawah dengan peribahasa yang sesuai.*

- (i) Hubungan mesra Dato' Amir dengan pelbagai lapisan masyarakat di kampungnya tidak menjejaskan kedudukannya sebagai ketua pengarah sebuah syarikat kerana _____.
- (ii) Murid-murid membuat kajian sejarah di Melaka sambil melawat tempat-tempat bersejarah _____.
- (iii) Walaupun keuntungan yang diperoleh syarikat Zahir and Malim pada tahun ini agak merosot, mereka telah berjanji untuk mengharungi susah dan senang bersama-sama, bak kata peribahasa Melayu _____.

[6 markah]

UJI MINDA ANDA !!!

Arahan : Bulatkan ejaan yang betul.

- | | | | |
|-------------------|---------------|------------------|-------------|
| 1. A. selsema | B. selesema | 26. A. celupar | B. celopar |
| 2. A. tahayul | B. tahyul | 27. A. atlit | B. atlet |
| 3. A. ambulans | B. ambulans | 28. A. minimum | B. minima |
| 4. A. protin | B. protein | 29. A. beryani | B. beriani |
| 5. A. setor | B. stor | 30. A. koay teow | B. kuetiau |
| 6. A. faksimile | B. faksimili | 31. A. mi | B. mee |
| 7. A. waswas | B. was-was | 32. A. tempeyek | B. rempeyek |
| 8. A. operater | B. operator | 33. A. tose | B. tosai |
| 9. A. visel | B. wisel | 34. A. sandwic | B. sandwich |
| 10. A. fotostat | B. fotostet | 35. A. karipap | B. karipop |
| 11. A. dailek | B. dialek | 36. A. sate | B. satay |
| 12. A. raket | B. reket | 37. A. murtabak | B. martabak |
| 13. A. taueh | B. tauge | 38. A. stokin | B. stoking |
| 14. A. kolestrol | B. kolesterol | 39. A. pensil | B. pensel |
| 15. A. mentera | B. mantera | 40. A. pelan | B. plan |
| 16. A. snuker | B. snooker | 41. A. sekim | B. skim |
| 17. A. kerinting | B. keriting | 42. A. siksa | B. seksa |
| 18. A. raksaksa | B. raksasa | 43. A. garuda | B. geroda |
| 19. A. teladan | B. tauladan | 44. A. tulin | B. tulen |
| 20. A. taksub | B. taasub | 45. A. lanskap | B. landskap |
| 21. A. motorsikal | B. motosikal | 46. A. kusyen | B. kusen |
| 22. A. stem | B. setem | 47. A. kopun | B. kupon |
| 23. A. spesies | B. spesis | 48. A. telefon | B. telefon |
| 24. A. warong | B. warung | 49. A. al-Quran | B. Al-Quran |
| 25. A. petrolium | B. petroleum | 50. A. Ramadan | B. Ramadhan |

| | | | | | |
|-----|---------------|---------------|------|---------------------|-------------------|
| 51. | A. internet | B. Internet | 76. | A. kanser | B. kenser |
| 52. | A. e-mel | B. emel | 77. | A. leukemia | B. leukimia |
| 53. | A. barbeku | B. berbeku | 78. | A. diabetes | B. diabetis |
| 54. | A. komisen | B. komisyen | 79. | A. jurukur | B. juruukur |
| 55. | A. profesion | B. profesyen | 80. | A. satu pertiga | B. satu per tiga |
| 56. | A. efisien | B. efisyen | 81. | A. kuarentin | B. kuarantin |
| 57. | A. television | B. televisyen | 82. | A. legenda | B. lagenda |
| 58. | A. analisis | B. analisa | 83. | A. kata-kata aluan | B. kata alu-aluan |
| 59. | A. definasi | B. definisi | 84. | A. kalendar | B. kelendar |
| 60. | A. pelusuk | B. pelosok | 85. | A. cenderamata | B. cendera mata |
| 61. | A. skuash | B. skuasy | 86. | A. jawatankuasa | B. jawatan kuasa |
| 62. | A. skima | B. skema | 87. | A. kadangkala | B. kadang kala |
| 63. | A. komidi | B. komedi | 88. | A. seringkali | B. sering kali |
| 64. | A. losen | B. losyen | 89. | A. mahupun | B. mahu pun |
| 65. | A. naskah | B. naskhah | 90. | A. penghawa dingin | B. pendingin hawa |
| 66. | A. otomobil | B. automobil | 91. | A. sosioekonomi | B. sosial ekonomi |
| 67. | A. hirarki | B. hierarki | 92. | A. antimerokok | B. anti merokok |
| 68. | A. isipadu | B. isi padu | 93. | A. tele - perbankan | B. teleperbankan |
| 69. | A. ekosistem | B. eko sistem | 94. | A. temu janji | B. janji temu |
| 70. | A. kefeteria | B. kafeteria | 95. | A. pascamerdeka | B. pasca merdeka |
| 71. | A. minima | B. minimum | 96. | A. boling | B. bowling |
| 72. | A. pekej | B. pakej | 97. | A. wusyu | B. wushu |
| 73. | A. baucar | B. baucer | 98. | A. taici | B. taichi |
| 74. | A. uar-uar | B. war-war | 99. | A. ping pong | B. pingpong |
| 75. | A. ihsan | B. ehsan | 100. | A. tae kwan do | B. taekwando |

Soalan 4: Novel

要答: Berdasarkan novel yang telah saya pelajari, iaitu novel _____

NOVEL DI SEBALIK DINARA**PLOT**

Secara keseluruhannya, plot cerpen ini digarap mengikut kronologi. Terdapat empat peringkat garapan plot iaitu:

1. Permulaan

Farisha berada di lapangan terbang untuk pulang selepas menghadiri mesyuarat di Nusajaya. Dia terasa sangat mengantuk kerana bangun awal pagi untuk berkejar dari Kuala Lumpur ke Nusajaya dan pulang ke Kuala Lumpur pada hari yang sama. Dia berkenalan dengan seorang pemuda di kapal terbang dan berjumpa semula semasa Farissha menghadiri simposium di Hotel Renaissance. Pemuda itu menawarkan projek mini yang bernilai tinggi di Soft Lab.

2. Perkembangan

Farisha memulakan tugas di Soft Lab dengan ditemani oleh Aqram. Dia berkenalan dengan Dr Maxi dan juga saintis hebat bernama Karl. Farisha mula mengkaji projek yang akan digodamnya iaitu Dinara dengan bantuan Aqram dan Alia. Semasa bekerja di Soft Lab, Farisha dan Shida menemukan pelbagai maklumat berkaitan projek Dinara. Shida menimbulkan beberapa kemusykilan tentang seorang pembantu penyelidik bernama Medina.

3. Konflik

Farisha berasa sangat terkejut dan sedih apabila mengetahui bahawa dia hanya anak angkat. Farisha menangis sepanjang malam dan tidak dapat melelapkan mata. Konflik juga berlaku di pejabat Farisha di Soft Lab, apabila Farisha jatuh pingsan dan dimasukkan ke hospital menyebabkan sesi komunikasi bawah sedar dengan Karl tidak dapat diteruskan. Aqram, Khairul Anwar dan Dr Maxi mengambil keputusan untuk menggantikan tempatnya dengan Shida.

4. Klimaks

Situasi semakin tegang apabila Shida terpaksa mengambil alih tempat Farisha untuk sesi komunikasi bawah sedar dengan Karl. Karl marah kerana dia hanya mahu sesi komunikasi dilakukan dengan Farisha. Sementara itu, reaksi Shida sungguh tidak dijangka. Dia meronta-ronta dan membanting diri kerana kejutan situasi yang tidak pernah dialaminya. Karl masuk ke dalam tubuh Shida untuk menyelesaikan tugas Dinara. Tiba-tiba Medina tiba di pejabat Dr Maxi untuk membalas dendam terhadap Karl. Berlaku perdebatan yang hebat antara Medina dengan Karl (Shida). Suasana di pejabat Dr Maxi sangat tegang. Semua watak ada di bilik Dr Maxi ketika ini.

5. Peleraian

Di rumah agam Karl di Puchong. Karl sedang nazak. Medina sangat terkejut dan menyesal kerana meninggalkan Karl. Setiap orang dibenarkan menemui Karl secara perseorangan. Medina menangis teresak-esak. Alia pula meraung. Sementara yang lain reda dengan situasi tersebut. Karl disahkan meninggal dunia pada jam 7 malam. Mayatnya dibakar dan abunya ditabur di Selat Melaka.

Peristiwa 1

| | |
|------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| PERISTIWA | Farisha berasa sangat sedih sehingga menangis apabila mengetahui abang angkatnya, Azraai menghidap penyakit jantung. Selain itu, Farisha juga menyayangi ibu kandungnya setelah mengetahui perkara sebenarnya. |
| KOMSAS | |
| NILAI | Nilai kasih sayang |
| PENGAJARAN | Kita hendaklah menyayangi ahli keluarga kita |
| PERSOALAN | Persoalan tentang kasih sayang sesama keluarga |
| PERWATAKAN | Farisha seorang yang penyayang |
| LATAR MASYARAKAT | Masyarakat yang penyayang |

Peristiwa 2

| | |
|------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| PERISTIWA | Farisha rajin bekerja dan menambah ilmu pengetahuan. Dia menghadiri Simposium Keselamatan Sistem di Hotel Renaissance untuk menambahkan ilmu pengetahuan dalam bidang computer |
| KOMSAS | |
| NILAI | Nilai kerajinan |
| PENGAJARAN | Kita hendaklah rajin berusaha untuk memperoleh ilmu pengetahuan |
| PERSOALAN | Persoalan tentang kerajinan menimba ilmu pengetahuan |
| PERWATAKAN | Farisha seorang yang rajin |
| LATAR MASYARAKAT | Masyarakat yang rajin |

Peristiwa 3

| | |
|------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| PERISTIWA | Farisha sering bekerjasama dengan Rosman untuk membangunkan syarikat perkongsian mereka, iaitu Secured Shell. Mereka juga bekerjasama untuk menjalankan projek mini yang ditawarkan oleh Soft Lab. |
| KOMSAS | |
| NILAI | Nilai kerjasama |
| PENGAJARAN | Kita hendaklah mengamalkan semangat kerjasama dalam satu pasukan |
| PERSOALAN | Persoalan tentang semangat kerjasama dalam satu pasukan |
| PERWATAKAN | Farisha mengamalkan sikap bekerjasama dalam melakukan sesuatu tugas |
| LATAR MASYARAKAT | Masyarakat yang kerjasama |

Peristiwa 4

| | |
|------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| PERISTIWA | Farisha berjaya menembusi sistem keselamatan Bank Sapurba yang tidak mampu dilakukan oleh orang lain. |
| KOMSAS | |
| NILAI | Nilai kebijaksanaan |
| PENGAJARAN | Kita hendaklah melakukan sesuatu tugas dengan bijak |
| PERSOALAN | Persoalan tentang kebijaksanaan dalam menjalankan tugas |
| PERWATAKAN | Farisha bijak dalam sistem komputer |
| LATAR MASYARAKAT | Masyarakat yang bijaksana |

Peristiwa 5

| | |
|------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| PERISTIWA | Farisaha sentiasa mengingatkan Shida supaya mandi pagi, menguruskan masa dengan baik, dan menjaga penampilan diri |
| KOMSAS | |
| NILAI | Nilai setia kawan |
| PENGAJARAN | Kita hendaklah memiliki semangat setia kawan |
| PERSOALAN | Persoalan tentang semangat setia kawan |
| PERWATAKAN | Farisa memiliki semangat setia kawan |
| LATAR MASYARAKAT | Masyarakat yang setia kawan |

NOVEL SILIR DAKSINA
PLOT
- Permulaan

- Haiqal mendapat sebuah manuskrip lama.
- Alamat pengirim manuskrip tersebut sama dengan alamat tempat lahirnya tetapi pengirimnya berbangsa Cina iaitu Ong See Hwa.
- Haiqal mendapati bahawa kisah yang terdapat dalam manuskrip tersebut seakan-akan benar berlaku dan menceritakan kisah hidup arwah ayahnya; Abdullah bin Kayan tetapi kisah itu dimainkan oleh watak Cikgu Nizam.
- Haiqal bertekad untuk pulang ke Johor untuk menjejak warisan ayahnya walaupun niat itu ditentang oleh uminya.
- Walid tidak menghalang pemergian Haiqal malah berjanji akan mengiriskan wang kepadanya untuk dibelanjakan ketika di Johor.

- Perkembangan

- Kehadiran Haiqal di Kampung Seri Purnama disambut baik oleh penduduk-penduduk di sana terutamanya Tauke Ong.
- Tauke Ong telah menyerahkan wang simpanan, hasil jualan kelapa sawit dan kebun kelapa sawit kepada Haiqal untuk diuruskan.
- Haiqal telah mengenali anak Tauke Ong iaitu Ong See Hwa.
- Haiqal mendapati bahawa perwatakan Ong See Hwa mirip dengan watak Ai Ling.
- Haiqal telah bersahabat baik dengan Lazim.
- Lazim dan Ong See Hwa telah menunjukkan kisah hidup Abdullah bin Kayan melalui pameran di balai raya lama.
- Haiqal mendapat tahu bahawa arwah bapanya merupakan orang yang hebat dalam bidang seni dan sastera dan bakat arwah ayahnya diiktiraf oleh pihak kerajaan negeri.

- Konflik

- Kehadiran Haiqal di Kampung Seri Purnama hanyalah untuk mencari kenangan yang ditinggalkan oleh Abdullah bin Kayan.
- Penduduk kampung seperti Pak Cik Bakar, Haji Salim dan Tauke Ong mengharapkan Haiqal supaya mengembalikan kegemilangan tarian zapin di kampung mereka kerana mereka melihat semangat kepemimpinan Haiqal mirip arwah ayahnya, Abdullah bin Kayan.

- Haiqal tidak mahu menghampakan harapan mereka kerana mereka telah melayan Haiqal dengan baik.
- Haiqal juga melihat bahawa anak-anak muda di kampung tersebut tidak meminati tarian zapin dan kesusasteraan.
- Haiqal dan penggiat tarian zapin jincat seperti Pak Cik Bakar dan Haji Salim telah bersepatat untuk mengadakan persembahan tarian zapin.
- Cadangan tersebut telah dipersetujui oleh ketua kampung malah ketua kampung turut mengundang ahli dewan undangan negeri untuk hadir bagi memeriahkan persembahan itu.

- **Peleraian**

- Ketika hari persembahan, Lazim telah ditimpa kemalangan.
- Haiqal dan Ong See Hwa telah menarikan tarian zapin sehingga ada sebilangan penduduk kampung yang berasa terharu kerana terkenangkan arwah Abdullah bin Kayan.
- Umi, walid dan Nurul Aisyah juga turut hadir untuk menyaksikan persembahan zapin tersebut.
- Umi telah ke kubur Abdullah bin Kayan dan umi telah mengaku kesilapannya memisahkan Haiqal daripada bapa kandungnya kerana darahnya turut mengalir dalam tubuh Haiqal.
- Setelah beberapa bulan di Kampung Seri Purnama, Haiqal melanjutkan pelajaran dalam bidang keguruan di sebuah universiti di Sarawak.
- Ratna pula telah bertunang dengan usahawan muda.
- Haiqal telah mengirim pesanan ringkas kepada Ong See Hwa bahawa dia akan berusaha menjejak watak Ai Ling seperti yang diceritakan dalam manuskrip ayahnya.

Peristiwa 1

| | |
|------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| PERISTIWA | Cikgu Nizam sering menatap potret wajah anaknya, Aiman pada setiap malam kerana rindu akan anaknya itu. Cikgu Nizam kadang kala menangis akibat terlalu rindu akan anaknya itu. |
| KOMSAS | |
| NILAI | Nilai kasih sayang |
| PENGAJARAN | Kita hendaklah menyayangi ahli keluarga kita. |
| PERSOALAN | Persoalan kasih sayang seorang bapa kepada anak |
| PERWATAKAN | Cikgu Nizam seorang bapa yang penyayang |
| LATAR MASYARAKAT | Masyarakat yang penyayang |

Peristiwa 2

| | |
|------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| PERISTIWA | Lazim bekerja di kilang tekstil di Batu Pahat sementara menunggu keputusan STPM. Pada waktu petang, Lazim akan memancing jika ada kelapangan. Kemudian, dia menjual ikan-ikan puyu yang dipancingnya di pasar. |
| KOMSAS | |
| NILAI | Nilai kerajinan |
| PENGAJARAN | Kita hendaklah rajin berusaha untuk menyara keluarga. |
| PERSOALAN | Persoalan kerajinan remaja berusaha untuk menyara keluarga. |
| PERWATAKAN | Lazim seorang yang rajin berusaha |
| LATAR MASYARAKAT | Masyarakat yang rajin berusaha |

Peristiwa 3

| | |
|------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| PERISTIWA | Haiqal juga bekerjasama dengan penduduk kampung untuk mengadakan persembahan zapin D'Purnama sebagai usaha untuk menghargai perjuangan ayahnya; Abdullah bin Kayan. |
| KOMSAS | |
| NILAI | Nilai kerjasama |
| PENGAJARAN | Kita hendaklah bekerjasama untuk menjayakan sesuatu aktiviti kemasyarakatan. |
| PERSOALAN | Persoalan semangat kerjasama dalam kalangan penduduk kampung. |
| PERWATAKAN | Haiqal seorang yang mudah bekerjasama. |
| LATAR MASYARAKAT | Masyarakat yang bekerjasama. |

Peristiwa 4

| | |
|------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| PERISTIWA | Tauke Ong sering menaja jamuan makan apabila penduduk kampung Seri Purnama mengadakan majlis keramaian. |
| KOMSAS | |
| NILAI | Nilai murah hati |
| PENGAJARAN | Kita hendaklah bersikap murah hati terhadap orang lain. |
| PERSOALAN | Persoalan sikap murah hati dalam kalangan penduduk kampung. |
| PERWATAKAN | Tauke Ong seorang yang pemurah. |
| LATAR MASYARAKAT | Masyarakat yang pemurah. |

Peristiwa 5

| | |
|------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| PERISTIWA | Cikgu Nizam tidak memberitahu sesiapa pun tentang penyakitnya. Walaupun sakit, dia tetap meneruskan tugasnya memperkembang seni budaya di kampungnya. |
| KOMSAS | |
| NILAI | Nilai ketabahan |
| PENGAJARAN | Kita hendaklah tabah menghadapi dugaan hidup. |
| PERSOALAN | Persoalan ketabahan menghadapi dugaan hidup. |
| PERWATAKAN | Cikgu Nizam seorang yang tabah menghadapi dugaan hidup. |
| LATAR MASYARAKAT | Masyarakat yang tabah menghadapi dugaan hidup. |

CONTOH JAWAPAN NOVEL

Berikan dua contoh peristiwa untuk membuktikan persoalan keberanian

Novel yang saya kaji ialah Silir Daksina karya Nizar Parman. Dalam novel ini terdapat peristiwa yang menunjukkan persoalan tentang keberanian. Persoalan tentang keberanian ini dipaparkan oleh pengarang melalui watak Ai Ling. Ai Ling berani mendeklamasikan sajak di khalayak ramai walaupun dia masih kecil iaitu berumur 7 tahun. Sebagai contoh, Ai Ling mendeklamasi sajak semasa persembahan zapin diadakan di kampungnya. Peristiwa ini menunjukkan **keberanian membuat persembahan di khalayak ramai**.

Selain itu persoalan keberanian juga di tunjukkan oleh watak Haiqal. Contoh, Haiqal berani membuat keputusan untuk pulang ke kampung demi mencari kebenaran serta menjejak warisan ayahnya walaupun ditentang hebat oleh uminya. Peristiwa ini menunjukkan **keberanian dalam membuat keputusan**.

Peristiwa yang membuktikan persoalan keberanian juga dapat dilihat melalui peristiwa Haiqal berani pergi ke Johor walaupun itu merupakan kali pertama dia pergi ke sana. Di Johor juga tidak ada sesiapa pun yang dikenalnya dan dia juga tidak tahu mahu tinggal di mana. Namun begitu, Haiqal tetap dengan keputusannya untuk pergi ke Johor. Peristiwa ini menunjukkan **keberanian menanggung risiko**.

Semasa tinggal di Johor, Haiqal telah mencuba dan belajar untuk bermain alat muzik dan tarian zapin walaupun dia tidak pernah membuat perkara sedemikian sebelum ini. Melalui peristiwa ini, persoalan **keberanian untuk mencuba sesuatu yang baharu** telah ditunjuk dengan jelas oleh watak Haiqal.

Huraikan persoalan tentang kepincangan masyarakat berdasarkan novel yang anda pelajari

Novel yang saya kaji ialah novel Silir Daksina karya Nizar Parman. Dalam novel ini pengarang ada memaparkan persoalan tentang kepincangan masyarakat. Antaranya ialah **kepincangan masyarakat dalam hubungan suami isteri**. Sebagai contoh Umi tidak bersetuju dengan cita-cita suaminya, Abdullah Kayan atau cikgu Zam untuk aktif dalam bidang seni. Akhirnya mereka bercerai.

Kepincangan masyarakat dengan melibatkan diri dalam aktiviti perjudian. Sebagai contoh Abang Tauke Ong telah menjual segala tanah di Perak sehinggalah Tauke Ong terpaksa menyewa tanah ayah Abdullah Kayan untuk mencari rezeki.

Selain itu, terdapat juga **persoalan kepincangan masyarakat memutuskan hubungan antara anak dengan ayah**. Ibu Haiqal tidak membenarkan Haiqal pergi ke Kampung Sri Purnama untuk menjejak warisan bapanya. Ibu juga tidak membenarkan Haiqal menziarahi jenazah arwah ayahnya walaupun ketika Abdullah Kayan telah meninggal.

Berdasarkan novel yang anda pelajari, jelaskan tiga peristiwa yang menunjukkan nilai kasih sayang

Novel yang saya pelajari ialah novel *Silir Daksina* karya Nizar Parman. Dalam novel ini, terdapat peristiwa yang boleh dikaitkan dengan nilai kasih sayang. Antaranya ialah Cikgu Nizam sering menatap potret wajah anaknya, Aiman pada setiap malam kerana rindu akan anaknya itu. Cikgu Nizam kadang kala menangis akibat terlalu rindu akan anaknya itu. **Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang seorang bapa terhadap anak yang sudah lama tidak berjumpa.**

Selain itu, terdapat juga peristiwa Haiqal sanggup ke Johor seorang diri untuk menjejak peninggalan arwah Abdullah bin Kayan walaupun Haiqal tidak mengenali sesiapa di sana. **Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang seorang anak terhadap ayah yang sudah lama tidak berjumpa.**

Peristiwa seterusnya ialah peristiwa Umi tidak mengizinkan Haiqal pulang ke Johor untuk mencari warisan Abdullah bin Kayan. **Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya.**

Berdasarkan novel yang anda kaji, huraikan nilai kasih sayang yang terdapat dalam novel

Novel yang saya pelajari ialah novel *Silir Daksina* karya Nizar Parman. Dalam novel ini, terdapat beberapa nilai kasih sayang yang terdapat dalam novel. Antaranya ialah **kasih sayang bapa terhadap anak**. Contoh, Cikgu Nizam sering menatap potret wajah anaknya, Aiman pada setiap malam kerana rindu akan anaknya itu. Cikgu Nizam kadang kala menangis akibat terlalu rindu akan anaknya itu.

Kasih sayang anak terhadap bapa juga dipaparkan oleh pengarang dalam novel ini. Hal ini dapat dilihat melalui peristiwa Haiqal bertekad untuk pulang ke kampung arwah ayahnya di Batu Pahat Johor bagi menjejak warisan ayahnya. Setelah membaca manuskrip tulisan ayahnya Abdullah bin Kayan, Haiqal berasa sedih mengenangkan nasib ayahnya yang hidup terseksa dan kesunyian.

Terdapat juga **kasih sayang ibu terhadap anak** dalam novel ini. Contoh, Umi tidak membenarkan Haiqal tinggal dengan ayahnya di Johor kerana dia tidak mahu berpisah dengan Haiqal. Umi juga tidak mahu Haiqal mengikuti jejak ayahnya dalam bidang sastera kerana baginya bidang sastera tidak mempunyai masa depan yang cerah sebaliknya mahu Haiqal mengambil alih perniagaan batik yang diusahakannya di Terengganu.

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji, jelaskan peristiwa yang berlaku dalam penamat novel.

Novel yang telah saya kaji di Tingkatan 5 ialah novel Silir Daksina karya Nizar Parman. Peristiwa yang berlaku dalam penamat novel adalah ketika hari persembahan, Lazim telah ditimpa kemalangan. Haiqal dan Ong See Hwa telah menarikan tarian zapin sehingga ada sebilangan penduduk kampung yang berasa terharu kerana terkenang akan arwah Abdullah bin Kayan.

Umi, walid dan Nurul Aisyah juga turut hadir untuk menyaksikan persembahan zapin tersebut. Umi juga telah ke kubur Abdullah bin Kayan dan umi telah mengaku kesilapannya memisahkan Haiqal daripada bapa kandungnya kerana darahnya turut mengalir dalam tubuh Haiqal.

Setelah beberapa bulan di Kampung Seri Purnama, Haiqal melanjutkan pelajaran dalam bidang keguruan di sebuah universiti di Sarawak. Ratna pula telah bertunang dengan usahawan muda. Haiqal telah mengirim pesanan ringkas kepada Ong See Hwa bahawa dia akan berusaha menjejak watak Ai Ling seperti yang diceritakan dalam manuskrip ayahnya.

**Terdapat pelbagai peristiwa yang dipaparkan dalam sesebuah novel.
Huraikan dua peristiwa paling menarik dalam satu novel yang telah anda pelajari.
Mengapakah anda berpendapat demikian?**

Novel yang telah saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor. Terdapat beberapa peristiwa yang dianggap paling menarik dalam novel tersebut.

Peristiwa pertama yang dianggap menarik dalam novel ini ialah **peristiwa Aqram memberitahu Farisha tentang penyakitnya dan status Farisha sebagai adik angkatnya**. Peristiwa ini menarik perhatian saya kerana jelas memperlihatkan nilai kasih sayang dan keakraban hubungan mereka.

Peristiwa lain yang dianggap menarik dalam novel ini ialah **peristiwa Farisha tiba-tiba pengsan di pejabatnya**. Rosman dan Shida menziarahi Farisha di hospital untuk mengetahui perkembangan kesihatan Farisha. Peristiwa ini menarik perhatian saya kerana jelas menunjukkan nilai keprihatinan terhadap kesihatan rakan.

Peristiwa seterusnya yang dianggap menarik ialah **peristiwa Aqram menceritakan asal usulnya daripada manusia kepada cyborg kepada Farisha dan Azraai**. Peristiwa ini menarik perhatian saya kerana menimbulkan unsur kejutan. Aqram sebenarnya adik kandung Karl yang bernama Akeem. Dia terencat akal tetapi menjadi cyborg yang sempurna penampilannya.

PERIBAHASA DARI BUKU TEKS TINGKATAN 4 DAN TINGKATAN 5

SENARAI PERIBAHASA YANG TERDAPAT DI DALAM BUKU TEKS TINGKATAN 4

| BIL | PERIBAHASA | MAKSUD |
|------------|----------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------|
| 1 | Bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat | Kata sepakat yang dicapai dalam mesyuarat. |
| 2 | Darah daging | Anak dan saudara-mara daripada keturunan sendiri. |
| 3 | Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing | Mengalami susah senang bersama-sama. |
| 4 | Meninggi diri | Sombong |
| 5 | Bermuka dua | Tidak jujur. |
| 6 | Baik hati | Bersikap baik dan penyayang (suka menolong). |
| 7 | Tulang belakang | Punca kekuatan / orang harapan |
| 8 | Bara yang digenggam biar sampai jadi arang | Mengerjakan sesuatu yang sukar hendaklah sabar, sehingga mencapai kejayaan. |
| 9 | Bagai kaca terhempas ke batu | Sangat sedih atau kecewa. |
| 10 | Melentur buluh biarlah dari rebungnya | Mendidik anak biarlah sejak mereka kecil lagi. |
| 11 | Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi | Dua orang atau dua pihak yang sama darjat dalam adat. |
| 12 | Seperti lembu dicucuk hidung | Orang yang selalu menurut kemahuan orang. |
| 13 | Yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing | Bersama-sama menghadapi atau mengerjakan sesuatu. |
| 14 | Dayung sudah di tangan, perahu sudah di air | Segala-gala yang dikehendaki sudah diperolehi. |
| 15 | Terang hati | Lekas pandai. |
| 16 | Rendah hati | Tidak sombong |
| 17 | Murah hati | Pemurah |
| 18 | Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas | Adat yang tidak berubah; sesuatu yang tetap utuh. |
| 19 | Tangan kosong | Hampa. |
| 20 | Mencari jalan | Berikhtiar menyelesaikan sesuatu perkara. |


SENARAI PERIBAHASA YANG TERDAPAT DI DALAM BUKU TEKS TINGKATAN 5

| BIL | PERIBAHASA | MAKSUD |
|-----|----------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1 | Lintah darat | Peniaga yang mengambil keuntungan yang terlalu tinggi. |
| 2 | Bagai aur dengan tebing | Hubungan yang rapat antara satu sama lain dan saling membantu. |
| 3 | Anak dagang | Orang luar yang datang menetap di sesuatu tempat |
| 4 | Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri | Walau bagaimanapun kelebihan di negara orang, tetap negeri sendiri lebih baik lagi. |
| 5 | Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai | Kalau takut berhadapan dengan penderitaan, lebih baik jangan melakukan sesuatu yang susah |
| 6 | Indah khabar daripada rupa | Perkhabaran tentang sesuatu perkara yang dlebih-lebihkan. |
| 7 | Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah | Pengagihan yang sama banyak. |
| 8 | Bukit sama didaki, lurah sama dituruni | Perhubungan yang sangat akrab, senang susah bersama. |
| 9 | Kacang lupakan kulit | Orang yang melupakan orang yang pernah menolongnya setelah mendapat kesenangan. |
| 10 | Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung | Menurut adat atau peraturan di tempat yang kita diami atau tinggal. |
| 11 | Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak | Menyesuaikan diri dengan tempat dan keadaan |
| 12 | Ibarat telur sesangkak, pecah sebiji, pecah semua | Kesilapan yang dilakukan oleh seseorang menyebabkan orang lain yang menerima akibatnya. |
| 13 | Memerah otak | Berfikir dengan bersungguh-sungguh. |
| 14 | Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya | Tidak akan tercapai maksudnya kalau tidak mahu berusaha dan bersusah payah. |
| 15 | Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian | Bersusah payah terlebih dahulu untuk mendapatkan kesenangan pada kemudian hari. |
| 16 | Yang bulat tidak datang menggolek, yang pipih tidak datang melayang | Sesuatu benda tidak akan datang tanpa usaha |
| 17 | Sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit | Sabar mengerjakan sesuatu lama-lama berhasil juga. |
| 18 | Bak cendawan tumbuh selepas hujan | Terlalu banyak pada sesuatu masa. |
| 19 | Yang kita kejar tak dapat, yang kita kendong pula berciciran | Bernasib malang kerana mengejar sesuatu, yang sudah di tangan hilang pula. |
| 20 | Biar mati anak, jangan mati adat | Orang yang kuat perpegang pada adat. |

| | | |
|----|-----------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------|
| 21 | Sediakan payung sebelum hujan | Berjaga-jaga dulu sebelum mendapat sesuatu bencana |
| 22 | Berbesar hati | Gembira. |
| 23 | Anak buah | a. Anak saudara. b. Pekerja di bawah jagaan kita |
| 24 | Tuan rumah | Tempat berlangsungnya sesuatu acara |
| 25 | Yang lama dikelek, yang baharu didukung | Adat yang lama tetap diamalkan di samping budaya hidup yang baharu. |
| 26 | Batu penghalang | Halangan yang dihadapi. |
| 27 | Untung anak lelaki cari-carikan, untung anak perempuan nanti-nantikan | Orang lelaki yang merisik bakal isterinya. |
| 28 | Bagai ikan pulang ke lubuk | Perantau yang pulang ke tempat asal. |

Semoga Berjaya Dalam SPM 2019

Scan and download our INTI Mobile App to get more #SPMSureSkor Tips.



INTI Education Counselling Center Johor Bahru
No. 25, 25-01, Jalan Austin Heights 8/1, Taman Austin Heights,
81100 Johor Bahru, Johor
Tel. No.: 07 - 364 7537